

DW 6 MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DESA

Melalui inisiatif memantapkan pembangunan usahawan desa, terdapat dua (2) tindakan disyorkan di dalam usahawan membantu usahawan desa yang berdaya saing, pengukuhan sumber ekonomi dan memperluaskan aspek pemasaran.

DW 6.1: Cadangan Memperluaskan Program Desamall

Program Desamall adalah inisiatif KPLB yang bertujuan untuk membantu usahawan luar bandar memasarkan produk perniagaan secara dalam talian melalui platform e-Dagang.

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Program Desamall@KPLB sedia ada semakin mendapat sambutan serta jumlah pemasaran yang baik terutamanya permintaan terhadap produk pes makanan.
- Cadangan program ini diperkenalkan bagi memasarkan hasil produk industri desa Negeri Johor ke peringkat nasional dan antarabangsa.
- Usaha ini juga membantu mengembangkan hasil produk industri desa selain memberi kemudahan di dalam aspek menjual hasil produk dan meningkatkan hasil pendapatan usahawan desa.
- Melalui DesaMall@KPLB, barangan-barangan desa akan dipasarkan melalui rangkaian e-dagang terkenal seperti Lazada, Shopee, PrestoMall, Ebay dan Amazon. Antara barangan desa yang mendapat sambutan di DesaMall@KPLB ialah seperti produk-produk makanan, fesyen, kraftangan, aksesori dan pelbagai lagi.

Komponen Cadangan:

- Latihan pemeraksanaan e-Dagang bagi produk dan perkhidmatan.
- Pengurusan produk dan perkhidmatan.
- Pembangunan produk dan perkhidmatan usahawan.
- Pengurusan logistik, gudang dan penghantaran.
- Ekosistem dan peserta industri.
- Pengurusan platform e-Dagang sedia ada bagi pasaran domestik dan eksport.

Kaedah Pelaksanaan:

- Tender terbuka dan program bersepadu oleh KPLB.



CADANGAN LOKASI

Cadangan memperluaskan program desamall di Daerah Batu Pahat dan Kluang seperti mana berikut:

Daerah	Pusat komuniti Desa
Batu Pahat	PKD Parit Tengah, Batu Pahat (cadangan)
Kluang	Kg. Dato' Ibrahim Majid (cadangan)
Mersing	PKD Air Merah, Mersing (sedia ada)
Jumlah	3

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
--------	-----------


- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • KPLB • PBT • Usahawan Desa | <ul style="list-style-type: none"> • KPLB • Usahawan Desa |
|--|---|

ANGGARAN KOS

- Kos Penyelenggaraan & Menaik Taraf = RM 1,500,000 bagi setiap cadangan.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 4,500,000

FASA PELAKSANAAN



Pusat Komuniti Desa (PKD) sebagai pusat pengurusan program Desamall@KPLB

Pusat Komuniti Desa (PKD) dicadangkan untuk menjadi pusat pengurusan dan pelaksanaan program Desamall ini seperti yang telah dilaksanakan oleh PKD Air Merah di Mersing. Cadangan ini mampu mempertingkatkan kegiatan penubuhan PKD setiap daerah yang mempunyai pelbagai fungsi.

Pusat Pengurusan Program Desamall Sedia Ada



Foto: Aktiviti pemasaran secara online dan fizikal yang telah dijalankan.

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020




Foto: Pelaksanaan program Desamall di PKD Air Merah, Mersing oleh KPLB.

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Cadangan Pusat Pengurusan Program Desamall



Penggunaan cadangan program Desamall dapat membantu memasarkan produk industri desa ke peringkat nasional dan antarabangsa. Selain kaedah pemasaran secara langsung, kelebihan pemasaran secara dalam talian adalah efektif, pantas dan mudah. Jenis produk yang boleh dipasarkan secara *online* juga bersifat fleksibel merangkumi kraftangan tradisional, produk jahitan, *homestay*, makanan, ubatan herba, tanaman serta produk makanan sejuk beku dan pes makanan. Cadangan pembangunan program Desamall@KPLB Johor Tengah ditunjukkan di dalam rajah berikut:

Rajah 4.65: Cadangan Pembangunan Program e-Dagang 'Desamall'



Sumber: Olahan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar (PKLB) dan Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020.

Rajah 4.69: Cadangan Program *Desamall@KPLB* di Johor Tengah



PETUNJUK:

- Cadangan Pusat Desamall
- Taburan Kampung Batu Pahat
- Taburan Kampung Kluang
- Taburan Kampung Mersing
- ▭ Sempadan Daerah
- ▭ Sempadan Fasa 2
- ▭ Jalan Raya
- ▭ Lebuhraya
- ▭ Laluan Kereta Api
- ▭ Laut

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Cadangan Pusat Desamall

- 1 – PKD Parit Tengah, Batu Pahat
- 2 – Kg. Dato’ Ibrahim Majid, Kluang
- 3 – PKD Air Merah, Mersing (Program sedia ada)